

01 FEB 2001

Wilayah-Sambutan

PERSEMBAHAN NEKAD DAN PUTRAJAYA MEWARNAI SAMBUTAN HARI WP

KUALA LUMPUR, 1 Feb (Bernama) -- Aksi-aksi nekad di langit atas Menara Kuala Lumpur dan perisytiharan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan ketiga di negara ini, mewarnai sambutan Hari Wilayah Persekutuan (WP) hari ini.

Beribu-ribu warga kota daripada pelbagai lapisan masyarakat, mengambil kesempatan daripada cuti umum untuk berkumpul di Putrajaya dan pelbagai tempat awam untuk menyaksikan acara-acara yang diatur.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengisytiharkan Putrajaya sebagai wilayah persekutuan ketiga selepas Kuala Lumpur dan Labuan dan keghairahan di pusat pentadbiran persekutuan yang baru itu juga turut dirasakan oleh warga kota.

Datuk Bandar Kuala Lumpur Tan Sri Kamaruzzaman Shariff memulakan sambutan hari ulang tahun ke 27 Kuala Lumpur sebagai bandar raya dengan melepaskan beratus-ratus peserta dalam acara Larian KL di Dataran Merdeka di sini, pada 6.50 pagi.

Dengan penduduk kota mengharapkan satu lagi tahun dengan taraf hidup lebih baik di ibu negara, ramai daripada mereka menunjukkan kesedaran tinggi dalam aspek kesihatan, semangat kesukanan keluarga dan semangat kejiranan dengan menyertai pelbagai program.

Menara Kuala Lumpur, menara telekomunikasi tertinggi di dunia pada ketinggian 421m, menjadi tumpuan apabila 53 penerjun nekad terjun berperingkat-peringkat dalam acara payung terjun bermula pukul 9.35 pagi.

Dikenali sebagai penerjun B.A.S.E., acara itu disertai oleh 47 lelaki dan lima wanita dari 10 negara termasuk lima dari Malaysia.

B.A.S.E ialah singkatan bagi empat struktur yang mereka terjun daripadanya iaitu bangunan (B), Antena seperti menara pemancar gelombang radio (A), Jambatan (S) dan bentuk muka bumi (biasanya cenuram).

Penerjun pertama daripada Dek Terbuka di kepala menara itu (Level TH05) pada ketinggian 300 meter ialah Avery Badenhop, seorang warga Amerika berusia 38 tahun di ikuti oleh sekumpulan enam penerjun.

Kamaruzzaman merasmikan acara terjun itu dan menerima bendera Malaysia serta Kuala Lumpur daripada penerjun-penerjun itu di kawasan letak kereta dan kawasan pejalan kaki menara itu di mana mereka mendarat.

Antara yang terbabit dalam lagak ngeri di udara bagi setiap terjunan yang mengambil masa lebih kurang 45 saat ialah juara terjun Amerika, Nikolas Hartshorne, Dwain Weston dari Australia dan penerjun wanita terkemuka Anne Helliwell dari New Zealand.

Acara itu diadakan dalam dua sesi tiga jam iaitu dari 9.30 pagi-12.30 petang dan 2.30 petang hingga 5.30 petang.

Selain daripada terjunan ramai-ramai daripada menara itu, acara itu akan disenaraikan di Malaysian Book of Records sebagai penyertaan terbesar dalam acara terjunan B.A.S.E. di Malaysia.

Pegawai bagi Malaysian Book of Records Danny Ooi berkata acara yang mengerunkan itu merupakan semulajadi bagi 53 penerjun dalam satu acara tunggal.

Tiga tahun lepas, tiga penerjun melakukan terjunan yang sama daripada menara itu.

Ketua Pegawai Ekecutif Menara Kuala Lumpur Sdn. Bhd., Shahidah Ridwan berkata, terjunan seperti ini akan diadakan setiap tahun di menara itu.

Sementara itu, Kamaruzzaman berkata wawasan beliau bagi Kuala Lumpur ialah menjadikannya bandar raya bertaraf dunia dan menyediakan kualiti kehidupan terbaik bagi semua warga kota.

"Kita mempunyai strategi pelbagai hala untuk memperbaiki pengurusan trafik, perumahan bagi golongan berpendapatan rendah, kurangkan insiden banjir kilat dan secara keseluruhan meningkatkan taraf hidup di bandar raya," kata beliau.

"Kita juga perlu memperkemaskan bandar raya ini bagi Sukan SEA pada September," kata beliau lagi.

Di tempat-tempat lain juga diadakan pelbagai aktiviti dan antaranya ialah pertandingan menangkap ikan di Taman Tasik Titiwangsa, Taman Tasik Perdana dan Taman Tasik Permaisuri.

Beratus-ratus pemancing bersama keluarga mereka berkumpul dari awal pagi untuk `menempah' lokasi-lokasi strategik di tasik-tasik itu sementara gerai-gerai sementara di situ melaporkan perniagaan yang baik.

-- BERNAMA

DC ES PR